

Lee Lam Thye terima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

NST 21.10.2012 2

KOTA KINABALU: Aktivis sosial terkemuka Tan Sri Lee Lam Thye merupakan antara 4,336 graduan yang menerima ijazah, diploma dan sijil masing-masing pada Konvokesyen ke-14 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor universiti itu, di sini, kelmarin.

Lee yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial menerima ijazah itu daripada Yang di-pertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin, yang juga Canselor UMS.

Daripada 4,336 graduan itu, 24 orang menerima Doktor Falsafah manakala 277 graduan menerima ijazah sarjana.

Lee ketika ditemui pemberita selepas majlis itu berkata, anugerah itu adalah satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap khidmat sosial kepada masyarakat dan negara selama ini.

"Saya telah berkhidmat untuk negara hampir 40 tahun iaitu sebagai seorang wakil rakyat dan aktivis masyarakat.

"Saya menganggap penganugerahan ini sebagai satu inspirasi dan pendorong kepada saya untuk bergiat secara aktif berkhidmat untuk negara dan masyarakat," katanya.

Lee turut berpesan kepada semua pertubuhan termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di

seluruh negara supaya terus berganding bahu dan menyokong usaha kerajaan untuk kebaikan rakyat secara keseluruhannya.

Katanya, anugerah itu juga sebagai pengiktirafan kepada semua aktivis masyarakat di negara ini yang berkhidmat tanpa meminta sebarang imbuhan atau balasan.

Beliau berkata penglibatannya dalam beberapa badan bukan kerajaan termasuk sebagai Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) amat mencabar.

"Antara objektif MCPF ialah mengubah pemikiran dan budaya masyarakat untuk menjadikan masyarakat dan negara selamat dan sejahtera.

"Manakala dalam NIOSH pula, institut itu melaksanakan program latihan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Saya dapat mempromosikan kesedaran di kalangan pekerja dan majikan betapa pentingnya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, malah ia melangkaui lebih jauh kepada mewujudkan suatu budaya kerja selamat dan sihat," katanya.

-OLEH MARRYAN RAZAN
(marryan@new-sabahtimes.com.my)